

## Thames Oxford Academy sasar lahir 1,000 profesional bidang seni solek

KOTA KINABALU: Program Bina Kerjaya Malaysia Madani yang dikendalikan Thames Oxford Academy menasaskan untuk melahirkan 1,000 profesional dalam bidang seni solek menjelang Disember 2023.

Daripada jumlah itu, 400 daripadanya diharapkan datang dari rakyat Sabah. Sasaran program Bina Kerjaya adalah kepada mereka yang berumur antara 16 sehingga 40 tahun, bekerja sendiri, dan mempunyai pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ke bawah.

Kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai sasaran program setakat ini adalah Kudat, Kota Belud, Sandakan, Beaufort, Tuaran, Tawau, Kota Kinabalu, Semporna, Tamparuli, Kota Marudu, Ranau dan Papar.

Baru-baru ini, seramai 33 peserta yang telah menjalani latihan selama lima hari menerima Sijil Kehadiran Tamat Kursus dari Thames Oxford Academy.

Majlis penyerahan Sijil Kehadiran Tamat Kursus dari Thames Oxford Academy berkenaan telah disempurnakan oleh Pemimpin Pembangunan Masyarakat (PPM) Tanjong Kapor, Norlizah Gurahman. Beliau mewakili Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Kapor, Ben Chong.

Norlizah mengucapkan tahniah kepada semua peserta yang layak menerima Sijil Profesional dalam Dandanandan Diri dan Seni Solek untuk Usaha dari Institut Kece-merlangan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA.

## Hajiji menyempurnakan pelepasan Konvoi Borneo Safari

Oleh Hamzah Sanudin

KOTAKINABALU: Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor menyempurnakan pelepasan acara Konvoi Borneo Safari kali ke-31, di pekarangan bangunan Lembaga Pelancongan Sabah, sini semalam.

Ekspedisi selama lapan hari yang bermula semalam itu melibatkan sebanyak 530 kenderaan dan berjaya menarik penglibatan seramai 1,500 peserta dari dalam dan luar negara.

Turut hadir,

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Christina Liew; Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Joniston Bangkuai; Pembantu Menteri Belia dan Sukan Datuk Fairuz Renddan dan Pengerusi Persatuan Pacuan Empat Roda Sabah Faez Nordin.

**HADIR:** Hajiji ketika hadir membuat pelepasan peserta konvoi berkenaan.

